

DUZEN OINTMENT

Sodium fusidate 2%w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

- Apakah kegunaan *Duzen*
- Bagaimana *Duzen* berfungsi
- Sebelum mengambil *Duzen*
- Cara menggunakan *Duzen*
- Semasa menggunakan *Duzen*
- Kesan-kesan sampingan
- Cara penyimpanan dan pelupusan *Duzen*
- Maklumat lanjut
- Pengilang
- Pemegang pendaftaran produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Duzen*

Ia digunakan untuk merawat keadaan dengan jangkitan kulit oleh kuman seperti impetigo (kulit bersisik dan bengkak), bisul dan luka berjangkit.

Bagaimana *Duzen* berfungsi

Ia mengandungi *sodium fusidate*, sejenis antibiotic yang membunuh kuman yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil *Duzen*

Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap *Duzen* atau ramuan-ramuan lain *Duzen*.

Sebelum mula mengambil

Berhati-hati semasa menggunakan berhampiran dengan mata kerana ia mungkin menyebabkan iritasi. Sila beritahu doktor jika ia mengandung atau menyusukan anak.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain. Ubat ini cuma memberi kesan minimal semasa memandu atau menggunakan mesin. Walau bagaimanapun, semak dengan doktor jika terdapatnya sebarang kesan sampingan yang mengganggu aktiviti memandu atau menggunakan mesin.

Cara menggunakan *Duzen*

Berapa banyak harus diambil

Sapu pada bahagian berkenaan dua atau tiga kali sehari, biasanya selama 7 hari.

Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

Jika menggunakan berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Duzen*

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor,

Kesan-kesan sampingan

Kadangkala berlaku gerakbalas alahan seperti ruam dan iritasi. Ia mungkin menyebabkan masalah rintangan bakteria. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan

melalui No. Tel:03-78835550, atau

laman web portal.bpfk.gov.my

(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan *Duzen*

Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Salap warna putih kekuningan.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *sodium fusidate*
- Bahan tidak aktif: *liquid paraffin*, *white soft paraffin* dan *chlorocresol*.

No. MAL:

MAL20012738A

Pengilang

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Pemegang pendaftaran produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
Penang, Malaysia.

Tarikh kemaskini

19/08/2013